

**"Jadi dia kena kuat, teruskan komitmen, kekalkan prestasi kerana tanggungjawab yang digalasnya amat berat"**  
Mohd Sabki Mohd Din

HARIAN METRO

# Tembak lebih tepat!

■ Sabki mahu Johnathan guna peluang di Program Podium untuk tingkat prestasi



**Mohd Khairie Khalid**  
khairie@nstp.com.my

## Kuala Lumpur

**P**enembak kebangsaan, Johnathan Wong Guanjie (gambar) wajar mengambil sepenuhnya peluang

sepanjang berada dalam Program Podium untuk meningkatkan prestasi, kata pembantu jurulatih negara, Mohd Sabki Mohd Din.

"Ini adalah satu peluang terbaik untuk dia kerana seperti semua sedia maklum, Program Podium mempunyai banyak

peruntukan serta pendanaan.

"Jadi dia kena kuat, teruskan komitmen, kekalkan prestasi kerana tanggungjawab yang digalasnya amat berat.

"Penembak lain perlu jadikan pemilihan Johnathan sebagai satu contoh agar jejak itu dapat diikuti

dan diserap memasuki program sama pada masa akan datang," kata Sabki ketika dihubungi, semalam.

Menyentuh mengenai Sukan Komanwel Gold Coast, Australia 2018, Sabki berharap pencapaian penembak di sana dapat menjadi penanda aras

untuk menyertai program kendalian Institut Sukan Negara itu selepas ini.

"Buat masa ini seorang saja, tapi Insya-Allah tahun depan ada Sukan Komanwel. Saya harap pencapaian di Gold Coast sebagai landasan untuk serai podium.

"Kalau dapat menjadi

juara, Insya-Allah kita akan cadangkan mereka ke Program Podium," katanya.

Baru-baru ini, ISN mengumumkan seramai 146 atlet terpilih berada di dalam Program Podium.

Daripada jumlah itu hanya Johnathan berada dalam senarai dari sukan menembak.